



TEKS UCAPAN

**YB DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

SEMPENA

**MAJLIS PERHIMPUNAN BULANAN
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

11 JUN 2024 (SELASA)

**ARAS 2, DEWAN SAKSAMA
BANGUNAN HAL EHWAL UNDANG-UNDANG**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Assalamualaikum Warrahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Terima kasih saudara/saudari pengerusi majlis.

Selamat pagi dan Salam sejahtera.

Yang Berusaha Tuan Zamri bin Misman,

Ketua Pengarah Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang (BHEUU)

YBhg. Dato' Norazmi bin Mohd Narawi,

Ketua Pengarah Jabatan Bantuan Guaman

Yang Berusaha Tuan M. Bakri bin Abd Majid,

Ketua Pengarah Insolvensi, Jabatan Insolvensi Malaysia,

YBhg. Dato'/Datuk/Ketua-ketua Pengarah/ Pengarah-pengarah
Bahagian/ tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian.

MUKADIMAH

2. Syukur kehadiran Ilahi kerana dengan limpah kurnia dan InayahNya kita sama-sama dapat berkumpul pada hari ini untuk majlis perhimpunan bulanan yang merupakan kali kedua diadakan untuk tahun 2024 ini.

3. Di sini, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah kepada Jabatan Insolvensi Malaysia (Mdl) atas Program *Dasar Peluang Kedua – Jelajah Jabatan Insolvensi Malaysia 2024*. Saya amat berbesar hati kerana inisiatif ini adalah satu contoh yang baik dalam usaha Kerajaan Perpaduan untuk merakyatkan undang-undang, di mana undang-undang bukan sahaja digubal tetapi penekanan diberi kepada kesan undang-undang yang positif kepada semua lapisan masyarakat.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,

Dasar Peluang Kedua

4. Tahun ini merupakan tahun pelaksanaan buat Jabatan Insolvensi Malaysia yang memberi penekanan dalam merealisasikan pelaksanaan Akta Insolvensi (Pindaan) 2023 [A1695] kepada kesemua 21 cawangan

Mdi seluruh Malaysia selaras dengan hasrat Kerajaan untuk melaksanakan prinsip Rukun Ihsan melalui **Dasar Peluang Kedua**.

5. Dasar ini memberi peluang kepada bankrap untuk kembali menyumbang kepada pembangunan ekonomi negara dan menjalani kehidupan yang baharu. Dasar Peluang Kedua ini menyasarkan pelepasan sehingga 130,000 orang yang diisytiharkan bankrap sehingga tempoh masa satu tahun selepas Akta A1695 berkuat kuasa. Komitmen kerajaan dalam *roll-out* ini adalah bagi memastikan tiada golongan rakyat yang tercicir daripada arus pembangunan negara.

6. Setakat ini jumlah pelepasan kebankrapan yang direkodkan bagi bulan Mei 2024 berjumlah 85,980 kes. Saya percaya Jabatan Insolvensi Malaysia sedang giat berusaha untuk mencapai jumlah pelepasan yang disasarkan selaras dengan perasmian sambutan 100 tahun Jabatan Insolvensi Malaysia oleh YAB Perdana Menteri pada 25 Julai 2024 pada masa akan datang.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,

Pemeriksaan Pendigitalan

7. Selaras dengan arus pemodenan teknologi dan trend pada masa kini, pembangunan sistem pendigitalan memainkan peranan penting dalam memodenkan pelaksanaan operasi. Pelbagai usaha kerajaan dalam memperkasakan pendigitalan di peringkat agensi-agensi kerajaan secara amnya. Dalam memacu daya saing untuk pertumbuhan mampan, Jabatan ini juga telah mengambil langkah untuk mempertingkatkan penerimgunaan teknologi dan pendigitalan, memperkukuh rantai nilai dan menambah baik mekanisme tadbir urus.

8. Selain itu, dengan mengambil kira aspek tidak ketinggalan dengan turut sama menggunakan kelebihan, Jabatan Insolvency Malaysia telah membangunkan satu platform secara dalam talian iaitu Permohonan Ke Luar Negara di bawah subseksyen 38(1)(c) Akta Insolvency 1967 [*Akta 360*] yang memberi faedah dan memudahkan khususnya golongan bankrap untuk ke luar negara tanpa perlu hadir ke MdI cawangan secara fizikal.

9. Permohonan ke luar negara secara dalam talian ini akan memudahkan bankrap dan secara tidak langsung dapat mengurangkan aduan dalam berurusan dengan pegawai-pegawai di cawangan-cawangan.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,

10. Sekali lagi saya ucapkan syabas dan tahniah kepada Jabatan Insolvency Malaysia dan semua pihak yang bertungkus lumus dalam menjayakan pembangunan sistem ini. Semoga sistem permohonan ke luar negara secara dalam talian ini akan dapat memberi manfaat kepada seluruh rakyat khususnya golongan muflis. Saya dengan sukacitanya merasmikan sistem permohonan ke luar negara secara dalam talian.

Sekian, terima kasih.